

# *Artist Project*

## *Suasana Mendung di Cempaka Sari*

**Noor Azizan Rahman Paiman**

*Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA*

E-mail: azizanpaiman@gmail.com

**Published online:** 31 December 2020

**To cite this article:** Noor Azizan Rahman Paiman. 2020. *Suasana Mendung di Cempaka Sari*. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 19: 73–77. <https://doi.org/10.21315/ws2020.19.6>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/ws2020.19.6>

### **ABSTRACT**

*This work entitled “Suasana Mendung di Cempaka Sari” in terms of ideas is held through environmental experience encountered by the artist since residing in Perak (from 2001 until now). The artist lives in Seri Manjung district and works at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak Branch, Seri Iskandar (in Bota sub-district). Hence the daily travel distance of the artist goes back and forth from home to work and vice versa is about 100 kilometres. Through “daily activities” back and forth, the artist indirectly has been served with various shapes and visual elements pertaining to “social products” that are having “potential” to be questioned such as politics, economics, culture, religion, or environment in supporting the formation of his ideas for designing artwork.*

**Keywords:** *installation art, new media, social history, Malaysian politics*

### **ABSTRAK**

*Karya bertajuk “Suasana Mendung di Cempaka Sari” ini dari segi ideanya diselenggarakan melalui pengalaman persekitaran yang disantuni oleh pengkarya semenjak bermastautin di Perak (dari tahun 2001 sehingga kini). Pengkarya menetap di daerah Seri Manjung dan bertugas di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Seri Iskandar (berada dalam mukim Bota). Maka jarak perjalanan seharian pengkarya berulang alik dari rumah ke tempat kerja dan sebaliknya adalah sekitar 100 kilometer. Melalui “aktiviti harian” berulang alik itu secara tidak langsung pengkarya telah dihadapkan dengan pelbagai bentuk dan elemen visual berkenaan “produk sosial” yang “berpotensi” diacukan dengan persoalan seperti politik, ekonomi, budaya, agama, atau alam sekitar bagi dijadikan sandaran dalam pembentukan idea untuk penciptaan karya seni.*

**Kata kunci:** *seni instalasi, media baru, sejarah sosial, politik Malaysia*


Karya seni instalasi ini secara asasnya diwujudkan hanya bermodalkan beberapa keping gambar fotografi yang berlatarbelakangkan suasana landskap yang dirakam secara amatir dengan menggunakan telefon pintar (iPhone 5). Walaupun gambaran landskap tersebut dirakamkan secara amatir, pertimbangan komposisinya telah diadaptasi berpandukan pengalaman pembelajaran formal berkaitan seni dan reka bentuk sewaktu di sekolah seni dahulu.

Karya bertajuk *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (SMCS) ini dari segi ideanya diselenggarakan melalui pengalaman persekitaran yang disantuni oleh pengkarya sejak bermastautin di Perak (dari tahun 2001 sehingga kini). Pengkarya menetap di daerah Seri Manjung dan bertugas di UiTM Cawangan Perak, Bandar Seri Iskandar (berada dalam mukim Bota). Maka jarak perjalanan seharian pengkarya berulang alik dari rumah ke tempat kerja dan sebaliknya adalah sekitar 100 kilometer. Melalui “aktiviti harian” berulang alik itu secara tidak langsung pengkarya telah dihadapkan dengan pelbagai bentuk dan elemen visual berkenaan “produk sosial”

yang “berpotensi” diacukan dengan persoalan seperti politik, ekonomi, budaya, agama, atau alam sekitar bagi dijadikan sandaran dalam pembentukan idea untuk penciptaan karya seni.

Dalam konteks SMCS, pengkarya memilih “produk sosial” berunsurkan sejarah setempat yang diterjemahkan realitinya sebagai wadah “produk pelancongan.” Produk pelancongan tersebut telah direalisasikan dan diuar-uarkan sebagai Kompleks Sejarah Pasir Salak dan selama hampir 18 tahun pengkarya telah sering melihat papan tanda yang menunjukkan lokasi arah ke kompleks tersebut. Sejak sekian lama melihat papan tanda itu, pengkarya merasa terpanggil untuk mencari keistimewaan yang ada pada lokasi tersebut, maka dengan itu pengkarya telah cuba mencari sejarah dan susur-galurnya melalui pembacaan. Melalui pembacaan yang dilakukan (melalui kaca mata pengkarya seni visual), didapati penceritaannya membawa kepada persoalan perjuangan orang-orang tempatan yang menentang pihak penjajah British. Perjuangan orang-orang tempatan ini dianggap sebagai suatu “jihad” bagi mempertahankan bangsa dan agama. Namun jika diamati naratifnya itu, secara “insan berfikir tanpa dipasung pemikirannya” dalam konteks “jiwa yang merdeka,” didapati bahawa perjuangan utama orang-orang tempatan tersebut adalah berkenaan kuasa berkaitan ekonomi di antara golongan bangsawan dengan pihak penjajah British.

Secara lebih khusus, SMCS ini merupakan suatu karya yang terhasil melalui perjalanan yang tidak dirancang oleh pengkarya sewaktu memandu di kawasan Kampung Gajah, Perak. Pada ketika itu didapati awan begitu gelap serta mendung, dan di jalanraya ketika itu tidak kelihatan kenderaan lain serta disekelilingnya didapati tiada manusia (melalui mata kasar). Situasi tersebut persis seperti suatu keadaan “perintah berkurung.” Pengkarya melihat ke arah yang ingin dituju, iaitu mukim Pasir Salak dan didapati ada suatu garisan melintang yang begitu dominan (tanda hujan lebat). Kesan semulajadi oleh alam itu kemudiannya dirakamkan seadanya melalui kamera telefon pintar (dengan pindaan dan suntingan yang begitu kecil). Ketika itu pengkarya memposisikan dirinya seakan-akan “berkhalwat” (bersendirian) dengan alam bagi meneliti kembali (secara bermonolog) berkaitan pengalaman pembacaannya mengenai sejarah yang telah “diinstitusikan.” Melalui proses “khalwat” tersebut, pengkarya telah cuba membina kembali sejarah Pasir Salak secara fiksiyenal dengan membentuk naratif terkini secara interteks. Ia diterjemahkan akhirnya dalam bentuk karya seni instalasi yang menggabungkan lima keping imej fotografi digital yang dibingkaikan. Setiap bingkai mempunyai mempunyai tiga bahagian. Pada sebelah atas dalam setiap bingkai itu terdapat imej fauna yang berbentuk ayam dalam format bulat. Imej tersebut merupakan matawang yang telah digunakan dalam sistem jual beli pada zaman kesultanan Melayu dahulu. Pada bahagian tengah terdapat gambar pemandangan dalam format landskap. Pada bahagian bawah setiap bingkai itu disertakan teks yang menjadi semacam “rumusan” kepada hasil pembacaan peribadi pengkarya. Akhirnya pengkarya menganjalkan potensi imej fotografi pemandangan jalan raya itu dalam bentuk fizikal. Pengkarya menyusun 92 kepingan bongkah jalan tar yang diambil dari perjalanan itu sendiri (92 kepingan bongkah itu mewakili mukim-mukim yang berada di negeri Perak). Bongkah-bongkah tar tersebut disusun berdepan kelima-lima bingkai imej fotografi itu berlandaskan format segi empat tepat. Keseluruhannya, cara dan corak persembahan karya dan konstruksi naratif pada setiap imej fotografi itu adalah berlandaskan pengalaman dan kesan monolog dari pembacaan peribadi pengkarya sendiri.



**Foto 1** Noor Azizan Rahman Paiman, *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (2018). Foto digital, cetakan mono, kepingan bongkah jalan tar, instalasi (pelbagai dimensi).  
 Sumber: Koleksi pelukis. Pameran *Rupa-Rupa(nya)* di Publika, Solaris Dutamas, Kuala Lumpur, 9–22 April 2018.



**Foto 2** Imej fotografi digital dalam karya *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (2018).  
 Sumber: Koleksi pelukis.



Foto 3 Imej fotografi digital dalam karya *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (2018).  
Sumber: Koleksi pelukis.



Foto 4 Imej fotografi digital dalam karya *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (2018).  
Sumber: Koleksi pelukis.



Foto 5 Imej fotografi digital dalam karya *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (2018).  
Sumber: Koleksi pelukis.



Foto 6 Imej fotografi digital dalam karya *Suasana Mendung di Cempaka Sari* (2018).  
Sumber: Koleksi pelukis.